



Shahrizal (kiri) bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan David pada majlis Anugerah Asean Master Class di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bina kilang di Malaysia

DALAM pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bio Integrasi Sdn Bhd, David Chen Kon Foon berkata, buat masa ini produk keluaran Bio Integrasi Global itu dihasilkan di China tetapi syarikatnya merancang untuk membina kilang yang canggih dan moden di Malaysia.

Katanya, adalah menjadi objektif syarikat untuk membina kilang di dalam negara dan menjadikannya sebagai produk buatan Malaysia.

“Memandangkan teknologi digunakan hanya ada di China, syarikat perlu mempelajarinya sebelum digunakan di sini.

“Berkemungkinan dalam tempoh tiga hingga lima tahun lagi, pembinaan kilang di Malaysia dapat direalisasikan,” katanya.

Tambahnya, usaha itu selaras dengan perancangan syarikat untuk meneroka pasaran lebih luas, terutamanya negara Islam.

“Kita bersedia untuk memasarkan produk ini ke luar negara memandangkan ada permintaan di sana.

“Mereka menantikan produk ini kerana pengesahan halal oleh Jakim diiktiraf di peringkat dunia,” katanya.